



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)

AKHBAR	MUKA SURAT
Sinar Harian	
- Exco gesa kawasan parker LRT diselenggara	12
Sin Chew Daily	
- Tempat Letak kereta tak diselenggara	07
Sinar Harian	
- Perjanjian bakal bawa perubahan	36
Harian Metro	
- KE ARAH ZON RENDAH KARBON	06
Utusan Malaysia	
- 'Keliru antara kertas, plastic, kaca'	30



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Exco gesa kawasan parker LRT diselenggara
Muka Surat	12

Exco gesa kawasan parkir LRT diselenggara



Kerja penyelenggaraan perlu segera dilakukan demi keselesaan pengunjung.

SA 29/9/17 N42

PANDAN JAYA – Adun Chempaka Datuk Iskandar Abdul Samad menggesa pihak bertanggungjawab segera melaksanakan kerja penyelenggaraan di sekitar stesen LRT Pandan Jaya bagi keselesaan pengunjung.

Iskandar berkata, sekiranya pihak berwajib gagal melaksanakan tugas, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) perlu mengambil alih tugas penyelenggaraan kawasan itu dan mengemukakan tuntutan kepada pihak berkenaan.

“Saya dah tinjau kawasan tersebut...rumput tak dipotong, penuh dengan se-

Saya harap perkara ni diberi perhatian, lagi pun stesen ni memang jadi tumpuan orang ramai sebab ia merupakan stesen yang penting bagi laluan Ampang-Kuala Lumpur” - Iskandar

mak-samun dan lalang.

“Apa yang saya risaukan, kalau dah semak macam ni... air mesti bertakung, lepas tu mulalah nyamuk aedes pun membiak.

“Saya juga bimbang kalau ada binatang berbisa macam ular...ular memang suka kawasan bersemak ni. Jadi

perkara ni macam masalah berangkai.

“Saya harap perkara ni diberi perhatian, lagi pun stesen ni memang jadi tumpuan orang ramai sebab ia merupakan stesen yang penting bagi laluan Ampang-Kuala Lumpur,” katanya kepada *Sinar Harian*.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	
Muka Surat	07



▲ 依斯干达（右）向记者展示3令吉泊车费的收据。

► 未被修剪的杂草容易积水，滋生黑斑蚊，威胁民众健康。



野草叢生 垃圾處處

輕快鐵站停車場

髒亂

20 29/9/17 07



焦點社區 班登再也輕快鐵站

（八打灵再也28日讯）民众使用轻快铁停车场需要缴付泊车费，然而，有关当局却没有妥善管理整个停车场，导致野草丛生、垃圾处处！

收取3令吉泊车费

雪州高级行政议员兼千百家居州议员拿督依斯干达指出，上述停车场位于班登再也轻快铁站（LRT Pandan Jaya）；他是接到投诉后，前往视察时发现该区的野草问题严重，担心蚊虫滋长，最后导致驾驶者受害。

“民众需缴交泊车费，但该处并未被妥善管理。我今早去巡视时，发现该处的杂草丛生，没被打理，未被修剪的杂草会导致积水而引发黑斑蚊滋生的问题，危害人民健康。”

成蛇虫温床威胁安全

此外，他说，草丛最易躲藏有毒的蛇类与昆虫，并威胁轻快铁站乘客的安全。

他指出，既然看车员向驾驶者一次收取3令吉的泊车费，Rapid KL尽快采取行动，解决问题。

“如果对方无法解决，应该交由安邦再也市议会接手，并向Rapid KL索取清理费用。”

▲ 捷运站外设立了看板，为民众指引方向。



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Perjanjian bakal bawa perubahan
Muka Surat	36

36

SENTRAL

JUMAAT 29 SEPTEMBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD SENTRAL MOHD FAHMI ISMAIL - 019-3310021, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019-6680261

Perjanjian bakal bawa perubahan

Kerajaan negeri berusaha tingkat kecekapan pengurusan sisa pepejal seluruh PBT di negeri ini

NOR AZIHAN MD GHAZALI

SELANG - Perjanjian perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan sisa pukat/kebun di antara Majlis Perbandaran Selangor (MPS) dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) untuk tempoh tujuh tahun bakal membawa satu pembaharuan dan modus operendi baru dalam pengurusan sisa pepejal di daerah ini.

Melalui perjanjian itu juga, 20 unit lori roll on roll off dan 44 unit lori kompaktor baru turut diserahkan kepada sub kontraktor KDEBWM di kawasan Selangor, kelmarin.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah berkata, penggunaan lori-lori kompaktor baru buatan Jepun yang dilengkapi dengan pelbagai gajet dan sistem yang canggih

turut membantu sub kontraktor menyelesaikan isu berkenaan.

"Melalui penggunaan lori ini dijangka bakal menyelesaikan isu tipikal yang sering dihadapi kontraktor seperti lori lama yang uzur dan kerap rosak, tumpahan air leachate, dan sebagainya.

"Semua lori-lori kompaktor ini akan dipandu pergerakannya melalui penggunaan *Automatic Vehicle Locating System* (AVLS) yang akan dipantau secara berpusat di Centralized Command Center (CCC) KDEBWM di Ibu Pejabat meraka di Shah Alam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan sisa pukat/kebun antara MPS dan KDEBWM di MPS, di sini.

Hadir sama, Yang Dipertua MPS, Suliman Abdul Rahman, Timbalan Yang Dipertua MPS, Datuk Juhari



Suliman (tiga, kiri) dan Ramli (dua, kanan) berjabat tangan pada Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Sisa Pukat /Kebun di Selangor, kelmarin.

Ahmad dan Pengarah KDEB Waste Management Sdn Bhd, Syaiful Azmen.

Sementara itu, Pengurus Besar KDEBWM, Ramli Mohd Tahir berkata, penyerahan lori yang dilengkapi pelbagai sistem ini sejajar dengan komitmen KDEBWM membawa perubahan dan pembaharuan

kepada perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang efektif dan efisien.

Pada masa, menurutnya, MPS merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang kedua selepas Majlis Perbandaran Ampang (MPAJ) yang mana perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan sisa pukat/kebun diuruskan oleh KDEBWM.

"Ini adalah kesinambungan hasil daripada kejayaan syarikat kita melaksanakan projek perintis di Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada 1 Julai tahun lalu."

"Ini adalah usaha mumi kerajaan negeri untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal di seluruh PBT di negeri ini," katanya.

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	KE ARAH ZON RENDAH KARBON
Muka Surat	06

6 | NUANSAS

HARIAN METRO
JUMAAT 29 SEPTEMBER 2017

KE ARAH ZON RENDAH KARBON

MPAJ laksana program sasaran penurunan sebanyak 30 peratus menjelang 2030

PEMANDANGAN menunjukkan kepadatan pembangunan di Ampang

RENCANA

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kedudukan Ampang yang hampir dengan ibu kota menyebabkan kawasan berkenaan mendapat 'tekanan' kepesatan pembangunan seperti pembinaan perumahan dan kemudahan infrastruktur. Kelengkapan kemudahan berkenaan menarik orang ramai memilih kawasan itu sebagai tempat kediaman menjadikan Ampang kawasan padat sejak beberapa tahun lalu. Difahamkan, bilangan penduduk kawasan berkenaan dianggarkan 800 000, lalu permintaan terhadap rumah turut meningkat. Ekoran itu banyak kawasan hijau diteroka bagi tujuan terbitan yang akhirnya mengakibatkan Ampang menjadi 'panas' ekoran pertambahan gas karbon dioksida. Menyedari perkara itu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MBPJ) mengambil inisiatif mengadakan program Fiesta Eko Hijau: Ampang Jaya Rendah Karbon 2030, baru-baru ini. Yang Dipertua MPAJ Abdul Hamid Hussain berkata, majlis itu menyediakan Pelan Tindakan Ampang Jaya Bandar Rendah Karbon 2030 yang menyasarkan

penurunan karbon sebanyak 30 peratus menjelang 2030. Katanya, pelbagai langkah diambil dengan segera membabitkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju dan masyarakat bagi memastikan matlamat itu tercapai. "Salah satu langkah diambil ialah menerusi pembangunan kejiranan hijau yang menjurus kepada pertumbuhan hijau. "Kami ada membuat sedikit kajian dan mendapati beberapa negara luar melaksanakan inisiatif ini (pembangunan

kejiranan hijau) berjaya mengurangkan pengeluaran gas karbon dioksida, kesan pulau haba dan mewujudkan kualiti persekitaran baik," katanya kepada Nuansa. Beliau berkata, selain itu MPAJ juga memperkenalkan kebun komuniti di beberapa lokasi sekitar Ampang untuk menambah bilangan pokok di kawasan berkenaan. "Setakat ini, terdapat 15 kebun komuniti di Ampang sejak diperkenalkan pada 2015 dengan keluasan kebun terbesar ialah 0.25 hektar di Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Au2 Taman Keramat dan Pandan Indah. "Kami (MPAJ) akan memberikan peruntukan seperti kelengkapan pertanian kepada mana-mana petempatan yang berminat mewujudkan kebun komuniti," katanya. Katanya, antara inisiatif lain kepada usaha berkenaan ialah meningkatkan penggunaan lampu jimat tenaga (LED), melaksanakan pembangunan kesan rendah dalam sistem pengaliran dan saliran serta menggalakkan penggunaan air hujan untuk aktiviti domestik. jelasnya, diharapkan usaha itu dapat mewujudkan persekitaran kehidupan yang lestari kepada masyarakat dan alam sekitar.

ABDUL Hamid melawat Pameran Eco Hijau Lane

ABDUL Hamid (tengah) menunjukkan anugerah pingat Asean dimenangi bandar Ampang



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	'Keliru antara kertas, plastic, kaca'
Muka Surat	30

UTUSAN MALAYSIA

JUMAAT • 29.09.2017

kota@utusangroup.com.my

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

REAKSI

SEGERA BERTINDAK

"SIKAP buruk
membuang sampah
sesuka hati ditempat
tidak sepatutnya
perlu diubah.
Sampah sebesar ini
dibuatnya gawang
gol dengan pelbagai
aksi membaling sampah dari jarak
jauh boleh dilihat."
KHAIRUDDIN AWANG
Peniaga

"MASYARAKAT harus
berubah jika mahu
terus hidup dalam
keadaan aman dan
selesa. Kebersihan
perlu diutamakan
bukan sahaja di
dalam rumah tetapi
juga di luar rumah."
**NURHIDAYAH MOHD.
SHAMSI**
Pekerja swasta

LONGGOKAN sisa paku yang dibuang segelintir penghuni di luar tong disediakan mengakibatkan tahap kesedaran masyarakat tentang kebersihan masih rendah. - UTUSAN/ HALIM KHALID

SIKAP segelintir penduduk membuang sampah di merata-rata tempat memburukkan keadaan persekitaran salah sebuah kawasan perumahan bertingkat di ibu negara. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR

SANKAR khas pengasingan sisa pepejal yang diletakkan di Perumahan Awam Sri Johor di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur gagal dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk.

Unit Berita Kota

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

REAKSI

SEGERA BERTINDAK

"SIKAP buruk
membuang sampah
sesuka hati ditempat
tidak sepatutnya
perlu diubah.
Sampah sebesar ini
dibuatnya gawang
gol dengan pelbagai
aksi membaling sampah dari jarak
jauh boleh dilihat."
KHAIRUDDIN AWANG
Peniaga

"MASYARAKAT harus
berubah jika mahu
terus hidup dalam
keadaan aman dan
selesa. Kebersihan
perlu diutamakan
bukan sahaja di
dalam rumah tetapi
juga di luar rumah."
**NURHIDAYAH MOHD.
SHAMSI**
Pekerja swasta

Kemudahan sangkar khas pengasingan sisa pepejal disalah guna

'Keliru antara kertas, plastik, kaca'

SKUAD TERJAH PBT

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN, FAUZI SURAHMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR**
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 SEPT.

MUKADIMAH USAHA melestarikan masyarakat minda kelas pertama terutama yang mendiami bandar raya besar seperti di Kuala Lumpur masih jauh jika mahu diukur melalui aspek celik dalam kebersihan.

Ramai warga kota masih gagal mengamalkan pengasingan sisa pepejal walaupun kerajaan memperkenalkan pelbagai langkah termasuk penyediaan sangkar khas mengikut kategori iaitu kertas, plastik dan kaca.

Skuad Terjah minggu ini meninjau beberapa kawasan perumahan dan komersial sekitar ibu negara untuk melihat sejauh mana kesedaran mereka tentang amalan ini.

dapati sangkar pengasingan sisa pepejal yang boleh dikitar semula itu terus disalah guna.

Ulaia Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) meujudkan kemudahan itu seolah-olah tidak disambut dengan tangan kanan majoriti penduduk terutama di kawasan perumahan strata.

Tiga sangkar yang diasingkan mengikut kategori iaitu kertas, plastik dan kaca itu tidak beri makna apa-apa kepada penghuni yang secara sembarangan membuang sampah sarap di sana sini.

Lebih memburukkan keadaan,

tindakan segelintir penampal iklan haram menjadikan sangkar kitar semula sebagai mangsa.

Perit mata memandang, perit lagi kontraktor yang ditugaskan mengutip dan menguruskan kesemua sampah sarap di kawasan itu.

Situasi ini jelas menggambarkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengasingan sisa pepejal masih rendah.

Jika keadaan ini berterusan tentu sekali menyukarkan pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam lebih berkesan. Kepada penghuni, tepuk dada, tanya selera.

Penghuni gagal manfaat kemudahan -SWCorp

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Sikap masyarakat yang mementingkan diri dan tidak memanfaatkan kemudahan sangkar khas pengasingan sisa pepejal memuramkan keutamaan kepada Alam Flora Sdn. Bhd., selaku kontraktor kerja-kerja pengutipan dan pembersihan sampah dengan berkesan.

Timbalan Pengarah (Operasi) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Wilayah Persekutuan, Zahir Mohd. Shari berkata, ini terutamanya melibatkan lambakan sisa paku seperti ti-

san Bersama di setiap perumahan strata yang terbitat.

"Tindakan segelintir penduduk yang tidak bertanggungjawab ini hanya akan mencemakan kawasan persekitaran perumahan mereka," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Bellau berkata demikian bagi mengulas penyalahgunaan fungsi sangkar kitar semula yang diciptakan dengan lambakan pelbagai sampah paku termasuk tiam, perkakas elektrik dan sisa kebun di beberapa perumahan bertingkat di ibu negara.

MAKLUM BALAS

lam, perkakas elektrik dan sisa kebun.

Menurutnya, orang ramai seharusnya sedia maklum fungsi sangkar khas kitar semula itu hanya dikhususkan untuk sisa buangan merangkumi tiga kategori iaitu kertas, plastik dan kaca.

"Penyediaan sangkar khas itu adalah dengan persetujuan bersama pihak Badan Pengu-